

UMS, KPDN Sabah bincang kerjasama bantu perdagangan dan kos sara hidup masyarakat

UB 21.06.2023 P.06

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan kunjungan rasmi ke pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Sabah, baru baru ini.

Kunjungan hormat tersebut telah disambut Pengarah KPDN Sabah, Georgie Abas bersama pegawai-pegawai KPDN.

Ketua Delegasi UMS yang juga Pengarah Pusat Pengurusan Inovasi dan Pengkomersialan (PPIP), Prof. Madya Dr. Jidon A. Janaun berkata, kedua-dua pihak membincangkan peluang kolaboratif yang boleh diwujudkan dalam mengembangkan produk-produk inovasi UMS yang dapat membantu perdagangan dan kos sara hidup masyarakat.

Selain itu katanya, kerjasama dalam mengadakan program memupuk kesedaran hak-hak pengguna dalam kalangan pelajar dan masyar-

akat turut dipersetujui.

“KPDN menyambut baik usaha UMS untuk menghasilkan produk-produk inovasi yang berguna kepada masyarakat dan sentiasa memberikan sokongan padu dalam usaha membantu kos sara hidup pengguna.

“Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada KPDN atas sokongan dan kerjasama yang diberikan. Sudah tentu kolaboratif UMS dan KPDN ini akan memberi impak positif kepada masyarakat setempat,” katanya.

Pada kunjungan itu, delegasi UMS disertai Pusat Kerjaya dan Pembangunan Keusahawanan Pelajar (PKPKP), Pusat Kelestarian Libatsama Masyarakat (PKLM), Pusat Kelestarian Libatsama Industri (PKLI), Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan (FSMP), Fakulti Perhutanan Tropika (FPT), Syarikat Pelaburan UMS Uinvest dan PPIP.



ALBUM: Delegasi UMS bersama KPDN Sabah mengambil gambar kenangan pada kunjungan hormat tersebut.